

LAPORAN RANCANGAN LATIHAN PELAJAR (OPSYENAL)

DI COMBITS

PADA 28HB. APRIL HINGGA 24HB. JUN, 1986.

OLEH

NG CHUCK LAM (10593)

LEE CHUN HUAT (11481)

PUSAT PENGAJIAN SAINS MATEMATIK & SAINS KOMPUTER

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

SIDANG AKEDEMIK 1985/86

Penghargaan

Terutama sekali, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Dr.G.S.Rao kerana memberikan peluang kepada kami untuk berlatih di BIRO COMBITS (COMPUTER BASED INSTRUCTION AND TRAINING SERVICES), USM selama 8 minggu mulai 28hb. April hingga 24hb. Jun, 1986. Beliau juga telah banyak menyumbangkan jasa dan perkhidmatan untuk mengendalikan dan menjayakan rancangan latihan opsyenal ini. Sepanjang latihan, beliau telah memberikan kemudahan kepada kami seperti penggunaan komputer dan buku-buku rujukan dari Biro Combits.

Selain daripada ini, kami juga tidak terlupa untuk menyampaikan penghargaan kami kepada Puan. A.K.RAO. Beliaulah salah seorang pensyarah yang membantu kami untuk menjayakan projek yang kami buat dari awal hingga akhir latihan. Sepanjang tempoh latihan, beliau telah banyak memberikan tunjukajar dan panduan yang membina. Tanpa beliau, projek kami mungkin tidak akan berjaya.

ISI KANDUNGAN

<u>TAJUK</u>	<u>MUKASURAT</u>
1. Pengenalan.	1
2. Pengenalan Firma.	2
3. Projek Terlibat.	
3.1 Tujuan Projek.	3
3.2 Huraian Projek.	4
3.3 Penilaian Projek.	
3.3.1. Kejayaan yang dicapai.	14
3.3.2. Masalah yang dihadapi.	16
4. Cadangan dan Syor.	17
5. Kesimpulan.	18

1. PENGENALAN

Laporan ini menerangkan rekabentuk dan pengimplementasi projek kami iaitu Sistem Simulasi Untuk Pemproses Mikro Motorola 6800. (Motorola 6800 Microprocessor Simulator System). Secara ringkasnya, sistem ini dapat memberikan kemudahan kepada pengguna untuk mempelajari bagaimana pemproses mikro motorola 6800 berfungsi. Sistem ini cuba mencontohi segala ciri-ciri penting pemproses mikro motorola 6800. Dengan itu, sistem ini sangat berguna sebagai alat pengajaran berkomputer di dalam bidang pendidikan.